



I Love You, Stupid!

Melur Jelita

[Download now](#)

[Read Online →](#)

I Love You, Stupid!

Melur Jelita

I Love You, Stupid! Melur Jelita

KISAH KEMANUSIAAN YANG PENUH DENGAN KASIH SAYANG. Perjalanan hidup Iris mencari jawapan kepada rasa sepi dan tidak berpunya yang sering bertandang dalam hatinya.

Aku Iris the diva. Pembunuh senyap lelaki tanpa bayang! I'm bad and I'm dangerous!

Aidan? My main course yang sangat menyelerakan!

“Saya nak Inspektor Iris digari dan dihukum kerana telah mencuri hati saya. Saya dah X-ray tubuh Inspektor Iris, saya nampak hati saya berada dalam hati Inspektor Iris... – Aidan

Abang pedas? Eye Mo aku!

“Apalah sangat dengan saman yang setakat 300 ringgit tu? Lebih dari tu I boleh bayar. Berbaloi dapat love letter dengan hot guy ni. Handsome and pedasss!” - Iris

“Kesalahan keempat, cuba menggoda polis. Kesalahan kelima, menghina kerja polis, kesalahan keenam cuba menghalang polis dari menjalankan tugas...” – Abang pedas

Inspektor Ebrahim? My parfait, perfect!

“Sir! How could you! Menggoda seorang gadis di bawah umur?” - Iris

“Bukan di bawah umur, gadis di bawah sedar, di bawah pengaruh kurang cerdik!” - Ebrahim

Firman? Yucks! Mulutnya, ya Rabbi! Lebih pedas dari segalanya!

“Untuk bodyguard saya... yang sangat macho, stylo... dan...”

“Dan apa?” - Firman

“Ermmm... satu hari nanti dan apa, akan terjawab. So biarkan saja tempat kosong itu.” - Iris

Lara, Farina dan Violet, my divas. We're hot, sexy and naughty. Bukan sembarang lelaki boleh mendampingi kami dan kami juga tidak mendampingi sembarang lelaki.

Kegembiraan aku dan divas tidak berpanjangan apabila berlaku satu peristiwa yang tak dapat aku lupakan sampai bila-bila. Demi memenuhi hasrat terakhirnya, aku membawa misi yang besar dengan mengharung hidup di tempat asing yang sangat mencabar.

“Anakku, di mana anakku. Saya sanggup buat apa saja asalkan anak saya dikembalikan... Tolonglah, saya merayu.”

Semua yang berlaku mematangkan aku tentang kehidupan... tentang Islam, agamaku... tentang rasa cinta

yang sebenar-benarnya cinta...

“Selama ini saya merasa sepi dan tidak berpunya. Tiba-tiba saja rasa itu menghilang bila saya mula beristighfar...”

I Love You, Stupid! Details

Date : Published September 2012 by Penerbitan Karya Seni Sdn Bhd

ISBN :

Author : Melur Jelita

Format : Mass Market Paperback 1389 pages

Genre : Novels

 [Download I Love You, Stupid! ...pdf](#)

 [Read Online I Love You, Stupid! ...pdf](#)

Download and Read Free Online I Love You, Stupid! Melur Jelita

From Reader Review I Love You, Stupid! for online ebook

Ann says

actually tertangguh baca novel ni.hampir 3 bulan juga untuk habiskan novel yang cukup menyentuh hati. 3 bulan kerana kesibukan kerja,bukan sebab tak best.

Watak Iris yang agak suka flirting dan nakal2 ni seolah sebat dengan diri saya.Jadi saya betul2 menghayati watak Iris. Firman, rasanya agak susah jumpa lelaki yang perfect macam tu,kan?so charming.

Cerita yang disampaikan sangat menyentuh jiwa,apatah lagi ketika suasana di Kemboja. Saya seolah2 berada di Kemboja ketika menghayati ILUS... Kalau nak ulas novel yang tebal ni, berjela agaknya. Jadi kalau nak tahu kisah menarik ni,bolehlah baca. Tahniah kepada penulis.

Joy (Cheery?Reads) says

This is my first novel from Melur Jelita. Berat dan tebal giler tapi ceritanya tak meleret. The flow of the story is smooth, action packed and great characterization.

Awesome!

Gobokairina says

Lelah. Ya, perkara paling utama yang ‘mengiringi’ sepanjang pembacaan aku adalah ini. Aku lelah kerana:-

1. Bukunya yang tebal dan berat. Sah pembacaan gaya Cleopatra diharamkan ketika membaca ILUS.
2. Meleret-leret. Perhubungan pasang-surut antara dua watak utamanya memang melelahkan aku. Aku perlu senantiasa memastikan tingkat kesabaran aku cukup tinggi tatkala ‘bersama’ dua watak ini. *Pheww...*

Bagaimana? Ada tak peminat kipas mati ILUS nak serang aku? *wink*

TAPI...[wah! Tiba-tiba guna huruf besar! ;P]

Kedua-dua perkara yang melelahkan itu diselamatkan oleh banyak perkara lain. Antaranya;

Plot yang ringkas dan lancar. Salah satu sebab utama aku melekat dengan novel ini pastinya kerana tiada konflik yang memberatkan kepala. Paling-paling tidak, konflik emosi antara Firman dan Iris saja. Ha, tu yang buat aku geram sikit. Episod tarik tali, sembunyi-sembunyi rasa...*haihh* rasa nak cepuk je! ;P

Pengolahan yang manis dan indah. Dibawa menelusuri kaum Melayu Champa khasnya. Kalau nak *google* di internet, rasanya aku tak kan baca. Serius. Sebab aku bukan pencinta Sejarah. Namun penulis berjaya buat aku tertarik. Mungkin kerana gaya bahasa yang digunakan tidak terlalu ‘keras’. Ada santai yang memikat jadi tak terasa mengulit buku Sejarah sedangkan hampir separuh isi bukunya menjurus kepada itu.

Info tentang Kemboja dan isi alamnya. Tersayat. Ya, indahnya kehidupan pada mereka yang tahu menghargai. Alhamdulillah, syukur pada nikmat yang diberi walau di mana anda berada sekali pun. Kekurangan bukan sebab utama untuk merintih pilu. Tidak. Ia adalah ujian buat para hamba-Nya untuk

mencari kelebihan yang ada dalam diri. Hikmah yang tersembunyi. Tuhan amat menyayangi kita. Insaf.

“Tapi manusia tidak melihat setiap kejadian malang atau keburukan itu ada keindahannya, ada hikmahnya...” [page 211]

Islam dan fitrahnya. Kerdilnya diri kalau aku bincangkan di sini. Cukup kalau kamu tahu yang isi novelnya ada ini – addin. Buka mata hati untuk menghayati. Cari ruang dan peluang untuk memperbaiki diri. Jom! ;))

Kasih sayang dan keluarga. Disulam tanggungjawab dan persahabatan. Buat mereka yang ada keluarga, kasih sayang senjata utama. Membina kekuatan peribadi masing-masing. Pada yang tiada, sebarkan kasih sayang anda. Hidup untuk memberi bukan hanya menadah tangan pada yang sudi. Uhibbuki fillah.

Firman vs Iris. Memang aku lelah baca pergaduhan antara mereka. Sekejap baik, banyak yang bermasam muka. Aduh! Tapi dalam lelah itu sebenarnya aku sedar penulis menitip pesan halus tiap kali ada adegan pertelingkahan mereka berdua. Dan untuk kesemua info dan nilai positif yang aku dapat dalam novel ini, aku bagi markah penuh kepada penulisnya. Yay!

Penulis ada banyak input dan idea. Cuma ada masanya agak meleret-leret ditambah dengan pengulangan ayat yang agak kerap. Namun perincian setiap info memang harus dipuji. Mungkin itu antara faktor mengapa novelnya mencecah 1000++. Walaubagaimanapun, ‘rerama’ cantik yang terbang tinggi pasti memaku anda ke halaman yang terakhir..ngee~~~

Lain-lain? Rasanya boleh saja baca review teman-teman di GR. Mereka sudah membedah isi buku ini dengan baik sekali hingga berjaya buat aku mencari masa untuk sama-sama mendalami ‘perang’ cinta si abang pedas dan si hot diva. Terima kasih korang!

Usai membaca ILUS, aku kepingin baca novel pertama penulis. Nampak tak impak yang dibawa oleh penulis? Heh. Dan tak lupa sambungan novel ini – MYPI; yang buat ramai peminat abang pedas gigih beratur panjang di pesta buku baru-baru ini. Arghh...jeless mak! ;P

Ririn says

Alhamdulillah....

Akhirnya dapat juga habiskan setelah sekian lama. Rasa macam nak buat pulut kuning jer...hehehe... ;p

23 Ogos 2014

3.8 bintang

Setelah menimbang segala faktor, saya putuskan untuk bagi rating sebanyak tu. Haha...tapi memang betul-betul susah bagi saya nak bagi pertimbangan tu :)

Dah lama rasanya saya melihat buku ni ada kat kedai, tapi sebelum ni setakat jeling-jeling dari jauh jer. Maunya tak, dah la tebal yang teramat, harga pun boleh tahan (malah lebih mahal daripada novel english). Kerana saya masih lagi ada rasa skeptikal terhadap buku melayu, ditambah dengan ketebalan yang mencabar tu, saya buat-buat tak nampak je la...haha. Review kat GR ni pun saya tak terfikir nak tengok.

Alangkah terkejutnya saya bila melihat kepada review2 dan rating yang diberi. Rata-rata memberikan 5 bintang dan ada juga yang ulang baca beberapa kali. Sangat kagum! Dan apabila diberi peluang untuk memiliki buku ni, semestinya saya sangat teruja untuk turut sama mengetahui apakah yang membuatkan buku ni begitu istimewa.

Bila membacanya, memang benar banyak ilmu yang penulis kongsikan. Walaupun sangat tebal, tapi sarat dengan pengetahuan yang selama ni kita tak sedari. Penceritaan yang sangat terperinci membuatkan saya seolah-olah turut sama berada di sana. Kisah kehidupan kaum Melayu Cham di Kemboja yang bertungkus lumus untuk memajukan hidup mereka, dalam masa yang sama masih lagi berpegang kuat kepada ajaran Islam. Amat kagum dengan keutuhan iman mereka, yang tidak mampu digugat oleh rejim Pol Pot walaupun pelbagai siksaan yang mereka terima. Tak tergambar rasanya dengan segala penderitaan yang terpaksa mereka hadapi.

Cuma...saya sangat lelah dengan kisah tarik-tali Aidan-Iris-Firman. Drama sangat la diorang ni. Watak yang dikatakan hampir sempurna sifat dan perilaku mereka. Mungkin kerana Iris anak jutawan dan dia telah terbiasa dengan segala kesenangan dan kemewahan membuatkan sikapnya sedemikian. Tetapi bagi saya, bak kata pepatah '*masuk kandang lembu menguak, masuk kandang kambing mengembek*', Iris seharusnya cuba untuk mengadaptasikan dirinya dengan keadaan setempat. Tapi ni masih ingin bersikap '*diva*' walaupun berada di perkampungan yang amat daif. Dan dia juga seolah-olah tidak pernah mengambil iktibar dari kejadian yang berlaku akibat sikapnya yang tidak mahu mendengar nasihat. Bukan sekali dua, malahan berulang-ulang kali sepanjang perjalanan cerita ni. Firman pula, hmm.... pada saya lebih kurang sama dengan Iris yang tak konsisten. Sekejap lembut, lepas tu kasar, banyak bagi nasihat (mungkin la perlu cara tu untuk jinakkan Iris) tapi kadang-kadang terasa seperti nasihat tu hanya di bibir bila ada tindakan-tindakannya yang bagi saya agak bertentangan dengan apa yang dikatakan. Paling tak faham, kenapa diorang tak pujuh Matt tu untuk terima Islam sedangkan dia sudah dianggap sebahagian dari keluarga? Kadang-kadang dia dilayan mesra selayaknya keluarga, tapi ada juga masa-masanya dia seolah-olah perlu dijauhi. Dan Aidan pula, ada ketika timbul rasa kasihan, tapi tindakannya berkaitan hal pernikahan tu dah menimbulkan rasa kasihan saya. Bukan itu caranya menunjukkan rasa cinta yang menggunung. Bukan dengan cara memalukan dan menyakiti orang yang kita sayang. Bila kita benar-benar sayangkan seseorang, kita akan mengharapkan yang terbaik saja untuk dia. Apabila dia bahagia, kita juga akan turut merasa bahagia.

Biasanya, kisah hero-heroin yang akan menggerakkan perjalanan cerita, yang membuatkan kita terus menyelak dari halaman ke halaman. Tapi bagi buku ni, saya lebih teruja untuk mengetahui kisah-kisah kehidupan kaum Melayu Cham di bumi Kemboja berbanding kisah watak utama yang sangat memenatkan saya.

PS - Awak, terima kasih tak terhingga untuk buku ni ye :D

Cik Pah says

Inilah novel buat pertama kalinya diulang baca dan pastinya akan diulang-ulang lagi. Memang best dan berbaloi. Apa yang bestnya? Kupasan percintaan sangat unik. Cinta antara lelaki perempuan, cinta kepada

diri sendiri, keluarga, agama dan negara membuat kita terhibur, insaf, bersyukur dan lebih berfikir.

Semua rasa ini dapat kita rasa melalui watak Iris dan hero-hero pujaan hatinya Inspektor Ebrahim, Firman, Aidan, Matt dan tidak ketinggalan anak kecil yang bernama Ahmad serta watak-watak lain yang melengkapkan diri Iris sebagai pelajar, anak, kakak dan diva pemburu dan pembunuh lelaki. Diawal cerita mengisahkan kenakalan Iris dan sahabatnya yang menggelar diri mereka diva. Walau bagaimanapun kenakalan mereka telah membawa pertemuan dengan Inspektor Ebrahim aka abang pedas aka Eye Mo yang telah memberikan surat saman kepada gadis bawah sedar dan kurang cerdik. Dari situlah bermulanya episod cabar mencabar dan bermain mata dengan Insp. Ebrahim yang mengepakkannya rama-rama diperutnya. Satu insiden yang menyebabkan Iris menyesal seumur hidupnya apabila maruah dan kredibiliti Insp Ebrahim dicalarnya dengan fitnah. Agak kecewa pada mulanya kerana watak Insp Ebrahim berakhir begitu sahaja selepas Iris dan divanya graduate dari UM.

Kisah selanjutnya adalah tentang 2 misi Iris ke Kemboja sehingga menemukan Iris dengan Mr Bodyguardnya Firman dan Matt serta mai tuan (mama Firman) dan Fatimah (adik Firman) yang menjaganya sepanjang dia di kemboja. Agak misteri misi kedua Iris kerana selain misi bantuan derma, Iris ingin mencari anaknya semula. Bila masa dia kahwin? Dengan siap? Dr Aidan main course nyakah?

Sepanjang Iris di Kemboja, Iris terpaksa tinggal serumah dengan mai tuan dan Fatimah. Dengan segala kedaifan, Iris belajar menyesuaikan diri dengan orang disekelilingnya kecuali manusia bernama Firman yang bermulut puaka. Ada sahaja pertengkaran yang berlaku sehingga mai tuan terpaksa masuk campur. Iris sering lepas laku apabila berdepan dengan Firman manakala Firman sering mengusik Iris dan ada kalanya agak keterlaluan dan kasar. Identiti Firman terbongkar suatu hari dan bermula daripada kejadian tersebut Iris rasa tertipu kerana Firman yang sebenar adalah Insp Firman Ebrahim yang dicari-carinya. Walau bagaimanapun, merajuknya tidak lama. Kejadian buruk yang menimpa, lucu dikejar babi hutan, direjam buah cermai, dimandikan Firman dan ditelangkup langit baldi, rasa sunyi dan tidak berpunya merapatkan semula Iris kepada si lanun Firman. Bibit-bibit cinta mula berputik tetapi masing-masing cuba menyembunyikan rasa, hanya mata yang berbicara dan skala rama-rama yang mengepak diperut dan didada Iris menjadi ukuran tahap pesona Firman dimata Iris.

Ikutilah cerita selanjutnya tentang misi rahsia Iris, sejarah Kemboja dan kezaliman Pol Pot, rahsia hati Firman, Aidan dan Iris. Siapakah yang menjadi pilihan Iris? Dr Aidan main course yang handsome dan kaya atau Firman yang lanun tetapi lelaki yang boleh membimbang dia menjadi wanita solehah.

Cik Pah dah baca 5 kali okey! Hampir sebulan tak lalu nak buka novel lain. Penangan Melur Jelita memang menjadi. Sehingga novel lain Cik Pah pandang sebelah mata buat seketika. Nukilan daripada Melur Jelita menjadikan Cik Pah telah meletakkan satu standard yang perlu ada pada seseorang penulis. Peace yo!

Deknalee says

Novel ni... First time baca enovel (kat P2u) yang membuatkan hati terloncat2 nak baca bab seterusnya. I give five stars sebab penelitian, penceritaan yang bagus dalam novel ni. maksud saya, sangat2 bagus.

Saya terkejut bila dapat tahu penulisnya bukanlah muda belia dan orang kata, single mingle *maaf kak Melur*. sebab salah saya, tak baca novel pertama beliau. Gaya sudut penceritaan heroinnya(IRIS), sangat gedik dan... erkh! kita yang membaca pun tergedik sama.. (-_-")

mengenali IRIS serupa macam mengenali diri sendiri. Seorang yang saya kira, takut pada bayang2 sendiri. Nampak ganas tetapi sebenarnya begitu lembut. Luarannya yang banyak menipu sesiapa yang melihat. Dalam gediknya, masih tersimpan rasa takut pada Allah. Nampak luaran macam mudah didekati tetapi dalaman, banyak pisau ninja untuk dicampak kepada yang mendekati.. haaa! kan main aku mereview! ("-_-)

Jatuh cinta pada INspektor Ebrahim sebab... Masya-ALLah, rasa kepedasan tahap cili padi satu lori dia tu.. pedas membahang giler. setiap sindiran dia buat saya rasa tersindir. *of kos la sebab time tu dah perasan diri ni IRIS .:P Inspektor ni, tegas, dalam masa yang sama sebenarnya suka mengena. tunjuk lagak. egois! tetapi sangat bersikap pelindung... Oh gosh! suka dia pakai kaca mata hitam dia. boleh bayangkan betapa hotnya Ebrahim ni!

FIRMAN... masyaAllah. yang inilah saya katakan... takde pakwe pun takpe! cheh angau! baca novel ni, nak-nak time Firman bukak mulut.. adess. tak menahan betul. Pedas, suka menyindir. Hiss! Seorang yang penyayang. taat pada mai tuan (Ibunya) dan juga pada Allah, of kos! selalu mengingatkan Iris yang selalu melenceng terpesong. scene paling saya suka dan buat sentap tangkai jantung urat hati segala apa ialah scene bila Firman agak menghina Iris. scene kat pantai. Iris cakar2 dia sampai banyak luka. amik ko! gatai sangat mulut menghina orang. kan dah kena. Best bila dia sesak tahap gaban tengok Iris tak bangun2. Pergh! Kan dah stres sendiri bila orang tu... disyaki makan ubat tidur sebotol. padan muka firman.. *hembus nafas dengan kasar sbb bengang*

Scene paling lucu ada dekat bab 68. Saya tak nak cerita kat sini... sbb saya nak simpan dalam kotak memori. scene tu sweet, kelakar. dan sebenarnya.. sangat2 comel. auuw!

Aidan... saya tak berkenan sungguh dengan doktor ni. menggoda habis. tak respect dekat saya. eh! silap. tak respect kat IRIS langsung! perbuatan dia tu... malu nak mengaku.. kadang2 cair jugak! waaa! larrriiiiii!!! okeoke. sejujurnya, banyak pengajaran dalam ni. sumpah! banyak sangat pengajaran. saya nak reviewkan cara penyampaian kak Melur Jelita sebenarnya.. (-__-) secara halus, ramai golongan perempuan macam saya patut baca. hayati apa yang terkandung dalam tu. yang paling utama... BERSYUKUR. saya nampak BERSYUKUR sebagai pengajaran pertama dalam novel ni. Mana yang tak baca lagi, memang rugi bebenor!

kuzzeen says

Aku yang stupid bila membaca ILUS! Sebabnya:-

- 1) X sabar.... tebal sangat, so aku hanya 'membaca' apa yang ingin aku 'baca'. Aku nak tahu apa sebenarnya cerita Firman dan Iris, aku nak tahu siapa baby, peranan Aidan dan macamana Iris boleh kembali ke Malaysia. Walaupun aku dah tahu mcmn endingnya (aci selak m/s last dulu...).
- ii) Rasa mcm masuk hall kat GSC tgk 4 + 1 movie (Charlie's Angel + Mission Impossible + Lord of The Rings + Hunger Games). So aku pilih Hunger Games je, yg lain-lain aku 'off' kan dulu.
- iii) 1st novel yang aku bagi 4.89 bintang (walaupun x de, sbb tu kena ratekan 5 bintang).

Jangan risau aku akan ulang baca bila jiwa dah bertenang. Dah x gelojoh lagi. Dan kali ni, words by words....promise!

Mungkin inilah penangan penulis yang ada ilmu ketika menulis.....

S says

Alhamdulillah, akhirnya selesai juga menelaah naskah ini yg beratnya hampir 1kg!! sgt berat okay!!

5*

kalau dilihat dari jalan ceritanya, mungkin saya akan beri 3 @ 3.5* saja. lelah, penat, menelusuri watak Iris & Firman. Bermula dari zaman 'U' sehingga kekedaan penamat. saya hampir-hampir meletakkan naskah ini ketepi kerana penat mengikuti kisah mereka berdua yang turun naik. sebenarnya boleh saja dipendekkan.

apa yg saya dapat simpulkan, sebenarnya kisah ini adalah misi Iris ke Kemboja. kenapa kemboja? Kalau tak silap dlm bab 11, secara tiba-tiba kita dikejutkan dengan kewujudan kelahiran bayi'. Pelbagai persoalan timbul dalam benak dan perasaan ingin tahu itulah yg membawa kita menelusuri kehidupan sebenar di Kemboja.

Kenapa saya memberi 5* utk naskah ini? saya seorang peminat sejarah. saya suka mengkaji. pada saya, sejarahlah yg membentuk tamadun. kerana sejarah kita kuat. jadi, saya kuatkan hati meneruskan perjalanan pembacaan ini yang menyingskap kehidupan di Kemboja secara mendalam. Kalau ditanya, bila akan kesana. sudah pasti kita menjawab, insya Allah, tidak pasti. lalu, dengan adanya karya ini, sekurang-kurangnya kita tahu apa yg ada dalam 'jiwa' dan 'hati' negara yg pernah berada dibawah rejim Pol Pot yg kejam itu. Syabas penulis kerana anda sudah berjaya membuat saya menangis ketika menyusuri penderitaan mereka. inilah 'jantung' naskah ini. penelitian yang sangat teliti dan berjaya membawa saya hingga ke noktah terakhir.

Dan ketika ini, saya sedang melangkah bersama Iris dan Firman setelah mereka melafaz lafaz keramat, ijab & kabul.

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM20. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :)

Tahniah buat penulis kerana berjaya meng-highlightkan kekejaman Pol Pot, penderitaan rakyat Melayu Kemboja dan kedaifan negara itu. N amat tertarik dengan kisah hidup Melayu Kemboja kerana ia satu topik yang amat asing pada N. Jadi pada N, kisah itu adalah tulang belakang bagi novel ILYS.

Kekejaman Pol Pot jugak satu topik yang menarik pada N. Ia bukanlah topik yang asing kerana N pernah tengok dokumentari dan baca tentangnya. Tambahan lagi, kawan N pernah melawat kem Pol Pot dan dia ada menceritakan tentang kekejaman pemerintah zalim ini. Menurut kawan N, ramai yang berkunjung ke Kem Pol Pot tak mampu menghabiskan seluruh tour, baik tourist lelaki, baik tourist perempuan. Masuk kem dan separuh jalan, patah balik keluar kerana terlalu sedih dan tak sanggup nak teruskan. Mereka menangis dan berpelukan. So imagine lah, kalau pengunjung yang hanya melihat kesan-kesan sejarah ni pun dah rasa terseksa, inikan those yang melaluinya sendiri, yang melihat kaum keluarga dibunuhi di depan mata. Menurut kawan N lagi, hampir semua rakyat Kemboja yang masih hidup kini, pernah kehilangan at least one person

di tangan Pol Pot. No one is spared from the suffering. This tragedy and genocide had happened when negara-negara lain sedang cuba membangun. Ia ibarat Kem Nazi 2.0

The gediks and gatal aside, N rasa watak Iris is relate-able to almost everyone. Dengan penggunaan first POV dengan bijak, penulis berjaya membuat N sama-sama sedar dan 'celik' bersama Iris. N rasa tak melampau untuk N katakan, ILYS bukannya entertainment kosong. It's an eye-opener.

And rasanya kalau buku ni dijadikan medium bacaan sekolah, lahirlah lebih ramai lagi warga muda yang bangga menjadi anak Malaysia. Maybe kuranglah sedikit bilangan anak Melayu yang perasan nak jadik mat salleh celup. Gaya rambut perang jer lebih, tapi bila bukak mulut, melayunya terserlah habis.

PS: Firman Ebrahim ni macam lelaki melayu terakhir. Sangat sesuai dibuat suami. Kalau novel ni diadaptasikan, rasanya takda seorang pun pelakon kita yang boleh pegang watak ni, LOL!

PSS: Ada satu persoalan yang tak dijawab. Macam mana botol Xanax kosong tu boleh ada kat sebelah Iris kalau Iris tak ambil pil tidur? Ke N yang terlepas baca?

Afifah. says

Alhamdulillah. Seharian saya mengambil masa untuk menghabiskan membaca karya terbaik ini. Tidak pernah saya mengambil peluang walau sebaris ayat pun untuk membaca secara melompat-lompat, tidak pernah terdetik di hati saya untuk meninggalkan dari terus membaca karya ini hingga ke halaman terakhir.

Allahu Allah.

Siapa kata baca novel tak akan dapat apa-apa melainkan khayalan semata-mata dan membazir mata?

Mohon buka mata, buka minda.

Siapa sangka, dalam karya sebegini rupa juga Melur Jelita mampu membuatkan saya bermuhasabah diri? Dan siapa sangka, kerana sebuah novel ada yang boleh berubah ke arah kebaikan?

Allahu Allah. Terima kasih, kerana memberi ilham kepada penulis dan berkongsi dengan kami.
Alhamdulillah.

I Love You, Stupid!

Ini bukan kisah cinta. Ini kisah kasih sayang. Ini kisah kemanusiaan. Ini kisah penuh makna.

Bercampur baur perasaan ini. Tiap kali baca baris kata yang mengagumi itu, air mata ini menitik laju seolah-olah dapat merasai keperitan, kesengsaraan dan kepedihan.

Dapat saya rasakan bahawa saya bertuah kerana serba sedikit menceduk ilmu dari karya ini. Betapa saya rendah diri kerana masih, tidak menjadi hamba yang mulis di sisiNya. Betapa, agungnya agama Islam itu sendiri. Hingga, tanpa sedar saya menangis keinsafan bilamana Melur Jelita selitkan bab sirah nabi. Betapa, saya bersyukur dilahirkan di Malaysia. Di mana, saya menangis kerana berasaskan bahawa sadisnya kehidupan bangsa Melayu Champ di sana. Betapa, dapat saya rasakan bahawa saya tidak akan kuat

menghadapi dugaan jika saya berada di sana, sebagaimana kuatnya Iris menempuh segala halangan yang berlaku.

Latar tempatnya di Kemboja. Membaca kisah ini membuatkan perasaan saya melonjak- lonjak untuk ke sana. Ingin sekali melihat dengan mata sendiri, bagaimana kehidupan bangsa Melayu yang beragama Islam di sana. Kedaifan, kemiskinan, pergolakan antara bangsa. Bagaimana mereka kuat menghadapi dugaan sebagaimana yang diceritakan oleh Melur Jelita. Sungguh! Membaca kisah ini semakin mata saya terbuka tentang isu kemanusiaan.

Iris- Gadis berani yang tidak gentar untuk berlawan dengan lelaki. Sering bertindak di luar kawalan. Sering menyusahkan bodyguardnya. Berlagak diva, keras kepala, tidak mendengar nasihat akan tetapi kalah dengan perasaan sendiri terhadap Firman. Siapa sangka anak orang kaya yang sentiasa hidup dalam kesenangan sanggup menyertai misi kemanusiaan di tempat yang mana, terlalu besar perbezaannya jika nak dibandingkan dengan di sini. Siapa sangka, gadis yang kasar orangnya, suka menggoda dan pembunuhan lelaki dalam diam sanggup merendahkan martabat selaku diva (konon- kononnya) sanggup bersusah payah hidup bersama- sama mereka. Namun, rupa- rupanya kepergiannya ke Kemboja bukan sekadar ingin menyempurnakan misi kemanusiaan semata- mata! Tersepit antara pilihan hati dan pilihan mama. Aidan, lelaki yang disukai. Firman, lelaki yang dicintai.

Sisi negatif; tak suka sikap yang degil dan sering nak menang. Tidak menjaga batasan walaupun mendapat sedikit sebanyak ilmu di Kemboja. Tidak belajar dari pengalaman mengenai hubungannya dengan Aidan.

Firman- Sama seperti Hilman (Hero novel ASST), saya sukakan watak Firman. Tabahnya Filman menjaga amanah Tuan Zakaria. Terlalu menjaga, mai tuan, Fatimah, Iris. Tak pernah menghilang dari pandangan Iris. Sentiasa menjadi pelindung walau disakiti, disepak terajang bukan sahaja oleh Iris, malahan oleh samseng2 jahat.. Keturunan keluarga baik- baik. Bagaimana, Firman berusaha menjaga iman yang sering goyah bila berdekatan dengan Iris. Bagaimana, dalam ketegasan, Firman menegur Iris tentang banyak benda, sangat terkesan di hati saya. Firman, dikagumi oleh masyarakat di sana tapi tak terlepas dari dugaan dunia- dunia fitnah dari keluarga Daud. Anak yang baik, sanggup meninggalkan kerjaya yang disayangi demi mahu mencurahkan bakti di kampung, di samping emak tersayang. Namun, dalam kuat dan tabahnya Firman selaku ketua/ orang disegani di kampung, dia kalah. Dia lelah bila melibatkan soal saudara seIslam. *Sebak.

Alangkah kasihannya lelaki ini bilamana terpaksa menahan mata, bengkak di hati melihat kemesraan Iris dan Aidan bukan sahaja di depan mata malahan, tika Iris dan Aidan berhubung melalui telefon.

Alangkah pedihnya hati lelaki ini kerana perasaan cintanya terhadap Iris hanya disimpan di dalam hati dan dapat diluahkan kepada pepatung.

Alangkah kasihannya lelaki ini sewaktu Iris dibawa pulang oleh papa dan Aidan ke Malaysia.

Mai Tuan dan Fatimah- Kedatangan Iris disambut dengan penuh kegembiraan. Hinggakan layanan yang diberikan terhadap Iris terlalu istimewa. Menganggap orang asing itu sebagai anak dan kakak sendiri.

Alangkah mulianya hati mereka! Melupakan segala kesenangan hanya kerana tidak sanggup melihat saudara seIslam yang lain lagi hidup susah dari mereka. Mengajar dan memberi ilmu tentang kehidupan terhadap pencipta kepada Iris.

Ending- Kurang berpuas hati dengan watak Matt yang dihentikan begitu sahaja selepas babak pergaduhan pada malam itu. Watak Matt juga tidak kurang pentingnya.

Alhamdulillah. Pengakhiran yang sangat istimewa. ILUS dibaca dengan mata hati. Terima kasih untuk kisah yang penuh emosi ini. Saya kagum!

Betapa, saya rasakan bahawa sebagai hamba Allah, masih banyak kekurangan diri ini dan ILUS telah menyedarkan saya. Dan juga, betapa saya bersyukur menjadi rakyat Malaysia.

Azienamico says

tak sangka novel dengan tajuk yang cache sangat memberi impact yang sangat luar biasa , ia mampu membuatkan kehidupan seharian anda rindu dengan herony...anda tidak akan rasa kesunyian wpuh anda berpunya ! watak yang di ceritakan mampu mengubah pendirian yang saya pegang selama nie , kalau saya tak baca mungkin saya tak tahu ada kah begitu baik sekali jalan ceritanya , Saya suke lelaki mcm nie , tak mudah putus asa dalam hubungan, sanggup menerima kekurangan pasangan, mengembirakan pasangan , cinta kan pasangan , menenangkan pasangan , that was amazing kalau dapat lelaki mcm nie...tak romantik tak per , janji hari-hari saya penuh dengan ciuman rindunya , hangat dalam pelukannya , dan jika ada!!!saya lah wanita yang paling bertuah itu dan akan menjadi wanita yang paling hebat di sisi lelaki itu

Intan Musa says

Tebalnyaaaaaa....da macam kamus. Tapi banyak pengajaran yang berguna. Main topik- penghijrahan. Cerita best!

Nur Iris bte Zakaria adalah seorang wanita yang cantik, berkeyakinan tinggi, berbakat serta ego. Dia bertemu dengan Inspektor Firman Ebrahim (abang pedas) sewaktu disaman semasa dalam perjalanan ke universiti. Disitu bermulalah perbalahan antara mereka dan Iris selalu rasa tertewas di tangan Inspektor sehingga dia melakukan sesuatu yang memalukan. Dia mencium Inspektor dan Inspektor Ebrahim dituduh mencabul dirinya. Tetapi sebaliknya Inspektor Ebrahim telah menyelamatkan dirinya dari dimalukan berkali-kali. Suatu ketika, Iris diajak oleh Aidan (kekasih Iris) untuk menjalankan misi kemanusiaan ke Kemboja untuk lima bulan. Disana, bermulalah penghijrahan Iris. Di Kemboja, Firman (Inspektor Ebrahim) ditugaskan untuk jadi bodyguard Iris. Firman dan Kemboja banyak memberi Iris pengajaran tentang hidup, Islam dan kasih-sayang. Tanpa sedar Iris telah jatuh cinta pada Firman tetapi Iris terlalu ego dan Firman tidak mahu merampas hak orang lain. Iris juga sangat terkesan dengan Ahmad (anak seorang penjual tuak), Hassan (seorang anak albino yang mempunyai suara yang memukau), anak-anak bidadari, Matt, Fatimah dan Mai Tuan. Banyak kejadian yang dilalui dan setiap kali Firman sentiasa ada untuk melindungi dirinya serta mengajar dirinya tentang Islam. Akhirnya, Iris dibawa pulang oleh ayahnya dan Aidan setelah dia menculik anak rakannya. Bila pulang, Iris dikejutkan dengan berita yang dia telah ditunangkan dengan Aidan. Mula-mulanya dia menentang untuk dikahwinkan tetapi mengenangkan keluarga mereka dan Aidan, dia bersetuju. Tetapi dia dikecewakan oleh Aidan di hari pernikahan mereka. Iris akhirnya dapat ketemu Firman kembali di

tempat pameran lukisannya. Akhirnya, mereka dapat melafazkan rasa hati masing-masing yang saling merindu serta mencintai.

Sha Mslvoe says

Cinta itu fitrah. Cinta itu anugerah

"Ikut saya."

"Ke mana?"

"Ikut saja!"

Kami sampai depan motornya...wow! Kawasaki Ninja 650R Lime Green. Bertuahnya aku! Motor besar berkuasa enjin kuda rimau! Tetapi kejap! Dia terus melangkah ke motor sebelah. Aik..motor kapchai?! Warna pink?! Katakan tidak pada pink!!!. Seorang lelaki macho naik motor kapchai berwarna pink!!!! Oh papa!!!!!!"

LOL this scene make me laugh out laugh. Adoiii sungguh sha tak sangka cerita ini begitu bersahaja dan santai. Suka suka suka!!!

Kenapa Kelantan dipanggil sebagai serambi Mekah

"Kerana Kelantan ramai alim ulama, banyak pondok. Ramai orang berkain pelekat dan berjubah serban. Azan saja ramai berduyun² masuk ke masjid, seperti suasana di Mekah. Lagipun, orang Melayu Cham tak berduit nak ke Mekah. Jadi hanya mampu merantau ke negeri lain di Malaysia. Kami dapat ke Kelantan pun sudah satu kesyukuran yang besar. Ibaratnya bagi kami, sampai ke sana seperti menjakkan kaki ke Mekah. Dengan tempoh masa dan jarak... wang yang harus dikumpulkan, seperti orang Malaysia yang hendak menunaikan haji di Mekah. Hajat hati semua mak bapak di sini... anak tak dapat belajar di Mekah, dapat menuntut ilmu pondok di Kelantan pun sudah cukup besar nikmat kepada mereka "

Wow!!!! Sha terpegun. Sha sendiri tidak tahu betapa tingginya martabat negeri Kelantan di mata masyarakat Kemboja. Dan sha sendiri tidak tahu kenapa Kelantan dipanggil serambi Mekah.

Di antara pengisian yang membuatkan sha kagum...

"Binti.. beginilah hidup disini. Sebiji padi, sebutir beras sangat berharga. Susah payah ditanam dan dituai. Berapa banyak peluh, airmata dan darah yang tumpah. Bagi kami yang tak berduit, nasi yang tumpah pun kami kutip dan makan semula. Nama nak membazir dan membuang

takkan sama sekali. Selagi boleh dimakan, kami akan makan."

"Kena ubah peribahasa, nasi sudah menjadi bubur bukan bermakna sudah terlambat. Selagi ada daya dan akal, kita masih tetap boleh merubah takdir kita dengan cara lain pula.. seperti bubur tadi. Kalau sudah jadi bubur jangan marah, bersedih atau meratap. Kita usahakan ia menjadi benda yang lain pula."

Betullah orang kata, jauh berjalan luas permandangan.

This is one of the first books I've ever read by Melur Jelita and it definitely won't be the last. Wow! Amazing!! Brilliant!!! Awesome!! Wonderful!!!

I was so blown away with this story and how well written it is. Absolutely one of my favourites. It pulled at my heart stings and left me with a smile on my face when I read the last words.

Even though the story dragged too much in the middle, but it really did come together with satisfying ending which wraps the book up nicely. So reader, please stay with it!

Cukup perencah buku "I Love You, Stupid!". I can defined more elements in this book : love, history, passion, geography, corruption, humanity, art etc eehhh banyak pula.

Pendek kata, memang terbaik buku ini. Bukan kisah romantis yang biasa kita baca... 'omputih' kata "cliché romance" tapi kisah yang akan membawa kita merasa insaf, kisah yang penuh dengan kasih sayang, kisah yang membuatkan kita bersyukur menjadi rakyat Malaysia. Bersyukurlah dengan apa yang kita ada.

Kisah ini mengenai misi kemanusiaan Iris ke Kemboja untuk lima bulan. Disana Iris ditemani oleh bodyguard, Firman. Firman bukan sahaja menjaga Iris, malah menjadi pelindung, mengajar Iris tentang perkara² Islam.

Terjadilah kisah menarik diantara mereka berdua diselangi dengan kisah kehidupan masyarakat melayu Cham di Kemboja. Berbagai resepi yang dia dapat dari buku ini. Bukan resepi masakan tapi resepi untuk kita muhasabah diri.

Mukasurat diselak tanpa jemu kerna ayat² dalam ini buat kita menghargai cerita yang disampaikan oleh Melur Jelita. Kadang² sha merasa lemau tapi disebabkan kekuatan buku dengan ayat² yang menginsafi diri ini menarik sha keluar dari kebosanan.

Iris dan Firman adalah watak yang paling seronok sha baca, tidak terkecuali adik Firman, Fatimah pada akhir² cerita. Tidak lupa juga watak budak kecil Ahmad serta kisahnya yang menyediakan sha. Mengalir juga airmata sha sewaktu Ahmad menghadap ilahi. Terasa kerdilnya diri sha. Ya Allah, tak dapat sha bayangkan betapa bersyukurnya kita semua di bumi Malaysia ini.

Macam² ada pada diri ini sewaktu membacanya, airmata tidak dapat diseke. Dibiarkan mengalir laju.. merasai keperitan, kesedihan dan kesengsaraan. INSAF!!!

Iris datang bukan sahaja untuk misi kemanusiaan semata² tetapi untuk misi kawan baiknya, Farina yang sedang tenat. Walaupun Iris akan dihina dan diludah, dia bahagia sebab dapat tunaikan permintaan terakhir kawannya. Pada mulanya, sha merasa geram pada Kak Effa & Abang Ariffin. Takkallah sampai nak meludah sekali. Lempang sudahlah.

Kasihan juga pada Firman. Sudahlah difitnah oleh orang² kampung, bila bersetuju untuk dinikahkan, Iris menolak. Iris menolak bukan sebab tidak cinta tapi sebab tidak mahu orang² kampung berfikir mereka bersalah. Sikap Fatimah yang menampar ustaz Zulkifli membuatkan sha terpegun. Hebat juga Fatimah. Diam² ubi berisi.

Iris dibawa pulang oleh Aidan dan bapa Iris. Iris pelik dan tertanya² mengapa Firman menghantarnya pulang tanpa berbincang dengan dia. Firman tahu Iris bukan hak dia, dia adalah hak Aidan, kekasih hati Iris.

Apabila Iris pulang ke Malaysia, dia dikejutkan dengan berita pertunangan dia dengan Aidan. Iris tidak bersetuju tapi akhirnya bersetuju bila dia memikirkan kebaikan Aidan walaupun hati Iris masih pada Firman.

Iris tidak tahu sama ada Firman menyintainya. Iris iris, takkan tak tahu. Setiap detik Firman sentiasa ada melindungi Iris.

Ending yang sangat perfect. Ayat yang sangat best! Cerita yang penuh emosi dan keinsafan.

Highly recommended! What a great story!!!

kak Melur Jelita,

ps: tertanya² kisah Matt yang berakhir begitu sahaja. Melur Jelita akan keluar sequel tidak lama lagi pada 26 April 2013 - tajuk buku "My Precious Iris (Mypi) - sebutan Mai-Pai

Kamaliah says

Alhamdulillah Allah memberi ruang kepada saya untuk menikmati dan menghayati sesuatu yang indah. ILUS – abbreviation dari tajuk novel pun terasa begitu lembut dan asyik. Terbuai saya sementara. Dulu semasa saya baca ASST dan bila membaca komen2 dari orang lain meminta2 Kak Melur Jelita hasilkan novel ke2, saya berkata di dalam hati. “Bolehkah terhasil novel yg lebih baik dari ASST?” Sebab bagi saya novel ASST lah yg antara yg terbaik waktu itu tapi saya diam jelah sebab itu 2 cents saya.

Bila saya baca ILUS, Subhanallah!! Jauh sungguh jangkaan saya tersasar! Kak MJ tidak sedikit pun menghamparkan saya. Storyline padat! Olahan mantops! Menginsafkan! Terus terang saya katakan yang this is one of the best karya that I've read! Menyedarkan saya dan saya mula mencari jati diri sebagai anak melayu. Saya mula sedar yang saya antara anak melayu yang semakin hilang jati diri dek kerana leka dan hanyut dengan arus pembangunan dan kehidupan yang serba moden. Memandang remeh kesusahan orang lain dan tidak langsung bermuhasabah diri atas segala kesenangan yang diperolehi. Lupa kepada janji yg 1/3 dari kesenangan bukanlah hak saya. Alhamdulillah... novel ini menyedarkan saya dari lamunan yang tersangat pnjang. Terima kasih Kak MJ! Jasamu ku kenang.

Petikan2 dalam novel ini, saya takkan labelkan sebagai kata2 Iris atau Firman. Bagi saya semuanya kata2 yang lahir dari hati nurani kak MJ sendiri. Itu yang cuba beliau sampaikan dan itu lah akan saya sambut. Lawak selamba yg santai, phrase yg catchy. I'm hooked from 1st page until the last page. Walaupun tebal nauzubillah, there's never a dull moment!!! Cara beliau bercerita tu, I felt like I'm there! Feeling, Witnessing, Experiencing and Understanding the hardship that they have to go thru utk teruskan hidup tapi tiang agama tetap tegak dijunjung. Oh papa! Saya sungguh2 kagum dengan bakat kurniaan Allah kepada beliau. Cemburu yang amat pun ada tapi in a good way. Selepas ini saya takmo persoalkan dah, boley kah wujud novel yang lebey mantops dari ILUS sebab where Kak MJ is concern, ALWAYS EXPECT THE UNEXPECTED! Beliau menulis dari jiwa sendiri tanpa memperdulikan trend2 novel yg ada sekarang! Not following trend but a trend setter! For that and that only, I salute her! Keep up the good work and know that I will wait for ur next novel! Take ur time coz Hilman n Firman akan berkesan lama di hati saya.

Buku ni sgt hazardous kalau dibaca semasa mau tido sebab kalau terhantuk mau benjol kepala tapi saya ok je sebab tiap kali terhantuk, saya imagine saya berlaga dahi dgn Firman! Oh papa! Terlebey sudaaaaaaaa..... Ngeh ngeh ngeh.

Mai says

Terbaik, menyentuh hati dan perasaan. Kesedaran tentang agama, bangsa dan negara, Keamanan dan kemakmuran negara yang perlu dihargai.
